

# **UPM** **bermula** **cemerlang**

---

**PETALING JAYA:** Universiti Putra Malaysia bermula cemerlang di arena trek dan balapan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2022) apabila berjaya meraih dua emas, semalam.

Emas pertama UPM disumbangkan menerusi atletnya, Nurul Alyahaziqah Kamarazaman, apabila mengungguli acara 5000 meter jalan kaki selepas menamatkan saingan dengan catatan masa 28:04.93 saat (s).

Perak acara itu dimenangi atlet Universiti Sunway, Prithi Davina Ponraj yang menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 39:06.97s, manakala gangsa dimenangi wakil Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), (39:35.56s).

“Alhamdulillah, ini rezeki saya menyumbang emas buat UPM pada penampilan pertama saya di SUKIPT.

“Sebenarnya saya tak jangka, boleh menang acara ini, kerana ia bukan acara kegemaran saya. Malah saya juga agak ketinggalan pada awal perlumbaan ini.

“Bagaimanapun rezeki saya apabila, pendahulu dalam perlumbaan ini dibatalkan penyertaan kerana melakukan kesalahan berulang kali,” katanya ketika ditemui selepas perlumbaan.

Dalam pada itu, emas kedua UPM hadir menerusi acara lontar peluru wanita apabila atletnya, Nani Sahirah Maryata menamatkan saingan di tempat pertama dengan lontaran sejauh 13.2 meter (m)

Perak acara itu dimenangi atlet Universiti Teknologi Mara, UiTM, Nurdini Shahira Abdullah yang merekodkan lontaran sejauh 11.1m, dan gangsa dimenangi wakil tuan rumah, Betty Hoong King Ching (10.6m).

“Sebenarnya saya tak sangka boleh dapat emas dalam acara ini kerana terdapat beberapa pencabar lain turut berpotensi.

“Berkat doa ibu bapa, dan semangat yang diberi jurulatih saya berjaya menjelmakan emas buat UPM,” ujarnya.